

B. Pilih ayat atau ayat-ayat yang paling sesuai.

1. I Para pengunjung zoo memberikan seikat pisang kepada monyet di dalam kurungan itu.
II Ayah memotong setandan kelapa pandan untuk dihidangkan kepada kawan-kawannya.
III Sepintu rumah kedai telah terbakar akibat kecuaiannya pemiliknya.
IV Terdapat sebiji basikal terbiar di belakang rumahnya sejak setahun yang lalu.
A II dan III B II, III dan IV C I, II dan III D I, II, III dan IV
2. I Pemidato hebat itu menutup pidatonya dengan seuntai pantun.
II Serangkap pantun diucapkan oleh beliau sebelum meneruskan perasmian.
III Gadis itu menyelitkan sekuntum bunga pada rambutnya sebelum bergambar.
IV Sebiji kek coklat dibeli ibu sempena hari jadi adik petang ini.
A II dan III B II, III dan IV C I, II dan III D I, II, III dan IV
3. I Selonggok sampah berjaya dikumpul semasa aktiviti gotong-royong diadakan.
II Semasa bergotong-royong, saya menemukan sejambak kunci di dalam semak.
III Pekerja itu berjaya menurunkan setandan buah kelapa sawit dengan senangnya.
IV Dia menggunakan sesikat sikat untuk menyikat rambutnya yang lurus itu.
A II dan III B I, II dan III C III dan IV D I, II, III dan IV
4. I Segerombolan murid mengadakan lawatan sambil belajar ke Tugu Negara.
II Sepasukan tentera sedang menjalani latihan sebagai persiapan berperang.
III Adik meminta ibu membelikannya setongkol jagung rebus kerana lapar.
IV Secarik kertas digunakan untuk menulis nombor telefon agar tidak terlupa.
A II dan III B I, III dan IV C II, III dan IV D I, II dan IV
5. I Dia menampal sekeping setem pada sampul surat sambil mengeposkannya.
II Sekawan gajah sedang mandi di sungai ketika kami lalu di kawasan sungai itu.
III Dia menulis pada sepucuk surat nama penerimanya sebelum dipos.
IV Di manakah dapat saya beli sejambak bunga untuk dihadiahkan kepada guru?
A II dan IV B II, III dan IV C I, II dan III D I, II dan IV
6. I Budak itu meninggal dunia setelah diserang sekawan tebuan tanah.
II Kakak menghias sejambangan bunga di biliknya agar kelihatan berseri.
III Ibu membelikan saya beberapa kotak minuman untuk dibawa berkelah.
IV Dia mencapai sebuah kejayaan atas hasil usahanya yang bersungguh-sungguh.
A I dan IV B I dan III C I, II dan III D II, III dan IV

7. I Beberapa pintu kilang musnah di dalam kebakaran yang berlaku tadi.
 II Berapakah harga seutas kalung emas yang ibu beli dari kedai emas itu?
 III Setiap pagi ayah akan makan telur ayam setengah masak sebelum ke pejabat.
 IV Beliau memiliki beberapa bidang tanah yang sangat luas sekali di hujung kampung.
 A I dan III B III dan IV C I, II dan III D I, II, III dan IV
8. I Tukang kebun menggunakan sebilah golok untuk mencantas ranting pokok.
 II Doktor mengesahkan bahawa dua batu giginya perlu dicabut kerana rosak teruk.
 III Saya menggunakan sehelai tali untuk memberkas kayu api itu sebelum dibawa pulang.
 IV Bolehkah kalian pinjam saya sekaki payung kerana hujan agak lebat di luar?
 A I dan II B II dan III C III dan IV D I, II dan IV
9. I Ibu memasukkan berapa hiris bawang ke dalam minyak lalu menumisnya.
 II Segugus anggur dibawa kami ketika melawatnya di hospital kelmarin.
 III Abang menggunakan segumpal tanah untuk menakutkan anjing garang itu.
 IV Terdapat sejambak kunci di tangan kiri dan sejambak bunga di tangan kanannya.
 A I, II dan III B III dan IV C II dan IV D II, III dan IV
10. I Sepasang gambar ibu bapa tergantung pada dinding bilik tidurnya.
 II Dia menggunakan beberapa keping papan nipis untuk menampal gambar pamerannya.
 III Sebatang senapang disandangnya semasa berjalan sambil meredah hutan tebal itu.
 IV Acara bersejarah itu dimeriahkan dengan beberapa das tembakan dilepaskan ke udara.
 A I, II dan III B II, III dan IV C I, III dan IV D I, II dan IV